

25 Jun 2025

ICI Ref: MSPO 030A (POM) & MSPO 030B (Estates) - Boustead Plantations Berhad – Trong BU ASA-03

Kepada Pihak yang Berkepentingan,

Jemputan untuk memberi komen terhadap Penilaian Pengawasan Tahunan (ASA-01) MSPO ke atas Boustead Plantations Berhad, Unit Pengurusan Ladang - Boustead Estates Agency Sdn Bhd – Trong Business Unit, Taiping, Perak, Malaysia

Boustead Plantations Berhad telah melantik Intertek Certification International Sdn Bhd bagi penilaian dan pensijilan Unit Pengurusan Ladang PMU, Trong Business Unit bagi memenuhi keperluan *Malaysian Sustainable Palm Oil Standards series, MSPO 2530:2020-3.2 General principles for organised smallholder (above 500ha) and MSPO 2530:2020-4.1 General principles for palm oil mill.*

Intertek Certification International merancang untuk menjalankan Penilaian Pengawasan Tahunan (ASA-01) bagi Boustead Plantations Berhad Unit Pengurusan Ladang, Trong Business Unit pada 28 Julai – 1 Ogos 2025.

Bagi memastikan bahawa organisasi memenuhi keperluan MSPO secara berterusan dan bagi mendapatkan maklumbalas, Intertek Certification International ingin menjemput pihak yang berminat untuk mengulas mengenai penilaian Boustead Plantations Berhad Unit Pengurusan Ladang PMU, Trong Business Unit. Unit bagi pensijilan ini terletak di Taiping, Perak, Malaysia

Secara ringkas, Boustead Plantations Berhad ialah salah satu syarikat perladangan kelapa sawit hulu yang paling berpengalaman dan mapan di Malaysia dan anak syarikat Boustead Holdings Berhad ("BHB"), salah satu konglomerat terpelbagai tertua dan terbesar di Malaysia. Disokong oleh kehadiran BHB dalam perniagaan perladangan, mereka mempunyai lebih 100 tahun pengalaman industri perladangan dan lebih 50 tahun pengalaman pengurusan ladang ladang kelapa sawit. Mereka memiliki dan mengurus sejumlah 44 ladang kelapa sawit dan 10 kilang kelapa sawit di Malaysia dengan 18 ladang di Semenanjung Malaysia, 20 di Sabah dan 6 di Sarawak. Turut mengendalikan 3 kilang kelapa sawit di Semenanjung Malaysia, 5 di Sabah dan 2 di Sarawak. Jumlah simpanan tanah mereka berjumlah kira-kira 98,200 hektar (ha). Daripada jumlah ini, kawasan penanaman kelapa sawit adalah lebih kurang 73,500 hektar terdiri daripada 24,100 hektar di Semenanjung Malaysia, 39,100 hektar di Sabah dan 10,300 hektar di Sarawak. Butiran lanjut kilang memproses dan ladang kelapa sawit untuk penilaian adalah berikut:

Kilang Kelapa Sawit

Nama Kilang Sawit /Kapasiti Kilang	Lokasi	Rujukan GPS		Ramalan Keluaran Tahunan (MT)		
		Latitud	Longitud	CPO	PK	FFB
Trong POM	Km 24, Trong/Bruas 34800 Trong, Taiping	4.673560 °N	100.708154 °E	25,535.49	4,492.59	129,097.50

Pangkalan Bekalan / Estet / Termasuk Pekebun Kecil Skim

Nama Estet	Lokasi	Rujukan GPS		Ringkasan kawasan (Ha)	
		Latitud	Longitud	Jumlah kawasan yang diperakui	Kawasan Tanaman
Taiping Rubber Plantations Estate	Km 24, Trong/Bruas 34800 Trong, Taiping	4.709455 °N	100.692292 °E	1,389.43	1,185.70
Malaya Estate	Jalan Selama/Kubu Gajah 34100, Selama, Perak	5.124982 °N	100.725561 °E	906.80	851.20
Bukit Mertajam Rubber Estate	Kulim-Mahang main road, Mukim Padang China 09000 Kulim, Kedah	5.422728 °N	100.626622 °E	3,044.90	2,101.10



Kuala Muda Estate	Sungai Petani/Kuala Ketil main road, 08009, Sungai Petani, Kedah	5.618517 °N	100.582824 °E	983.10	946.10
Stothard Estate	Kuala Ketil/Baling main road, Mukim Tawar 09300, Kuala Ketil, Kedah.	5.551471 °N	100.707683 °E	1,516.90	1,423.60
Batu Pekaka Estate	Sungai Petani/Kuala Ketil main road, 09300 Kuala Ketil, Kedah	5.588646 °N	100.628213 °E	968.70	904.70
Jumlah Keseluruhan (Ha)				8,809.83	7,532.60

Intertek Certification International Sdn Bhd [dahulu dikenali sebagai Moody International Certification (Malaysia) Sdn Bhd] adalah sebahagian daripada Kumpulan Intertek, yang merupakan organisasi yang memberi perkhidmatan teknikal di seluruh dunia khusus untuk mengurangkan risiko pelanggan dengan menyediakan perkhidmatan pemeriksaan teknikal, pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan pensijilan produk, RSPO P&C, RSPO SCC, ISCC, MSPO, Marine Sustainability Chain-of-Custody, MTCS dan pensijilan PEFC Chain-of Custody dalam sektor industri berkaitan termasuk sektor pertanian dan perhutanan. Intertek beroperasi di seluruh dunia menyediakan pelanggan dengan kepakaran pemeriksaan teknikal luas dan akses kepada beribu-ribu pakar mahir di seluruh dunia. Perniagaan pensijilan Intertek Group berada dalam kedudukan 10 teratas di seluruh dunia, dan boleh didapati di seluruh dunia serta menawarkan pensijilan dalam pelbagai industri.

Intertek Certification International Sdn Bhd telah melantik pasukan penilai:

- **Ketua Penilai**
 - En. Zul Hairi Abu Hassan (Kilang Kelapa Sawit, Gunatanah, Amalan Pertanian yang Baik, Pengurusan Perosak Bersepadu dan Rantaian Perolehan di Kilang)
- **Penilai**
 - En. Mohd Nur Amin Mohd Halim (Temuduga Stakeholder, Aspek Undang-Undang, Sosial, Amalan Pertanian yang Baik, Pengurusan Perosak Bersepadu, Gunatanah)
 - En. Mohd Hafiz Mat Hussain (Temuduga Stakeholder, Aspek Undang-Undang, Alam Sekitar dan HCV/Konservasi, Rantaian Perolehan di Kilang)
 - En. Muhamad Naquiddin Mazeli (Temuduga Stakeholder, Aspek Undang-Undang, Gunatanah, Amalan Pertanian yang Baik, Pengurusan Perosak Bersepadu)
 - Cik Khoo Yah Hui (Temuduga Stakeholder, Aspek Undang-Undang, Sosial dan Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan)

Bagi penilaian yang akan dilaksanakan seperti yang dinyatakan di atas, Intertek Certification International Sdn Bhd, ingin menjemput pihak berkepentingan untuk memberi komen (jika ada), berkaitan dengan hal-hal yang berikut berkenaan dengan lokasi penilaian:

- Perlindungan alam sekitar
- Peluang pekerjaan
- Lain-lain hal berkaitan dengan penilaian
- Pemeliharaan biodiversiti
- Pembangunan komuniti

Komen-komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan semasa penilaian persijilan dilakukan. Sila salurkan komen anda kepada:

En. Mohd Hafiz Mat Hussain
MSPO Scheme Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd
D-28-3, Level 28, Menara Suezcap 1
No. 2, Jalan Kerinchi, Gerbang Kerinchi Lestari
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-7931 0032 Fax: 03-7931 0419
Email: mohdhafiz.mathussain@intertek.com

Cik. Mitah Limpu
Sustainability & Safety Department
Boustead Plantations Berhad
18th Floor, Menara Boustead 69, Jalan
Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur
Tel: 03 2145 2121 ext. 829
Fax: 03 2144 7917
Email: mitah@bplant.com.my



Terima kasih di atas komen dan maklumbalas yang anda berikan.

Yang benar,

Mohd Hafiz Mat Hussain
MSPO Scheme Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd